

15 MAY 1997

Mahathir-Golf

MAHATHIR LAWAT RESORT GOLF CLEARWATER SANCTUARY

BATU GAJAH, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali hari ini meluangkan masa kira-kira sejam meninjau sekitar resort golf Clearwater Sanctuary yang juga dikenali sebagai tempat perlindungan burung.

Dr Mahathir dibawa melawat sekitar resort dan padang golf itu oleh seorang daripada pemiliknya, bekas speaker dewan undangan negeri Tan Sri Haji Ahmad Azizuddin Zainal Abidin.

Resort golf seluas 300 hektar bekas tanah lombong itu mempunyai banyak pokok tua hujan-hujan dan merupakan tempat berkumpulnya pelbagai jenis burung termasuk burung puyuh, burung botak, unggas buruan, helang dan burung wak-wak.

Tasik-tasik seluas 140 hektar di resort itu juga dihuni burung raja udang, itik liar, burung pucung serta pelbagai jenis ikan yang tidak terkira banyaknya.

Dengan kecantikan dan suasana semulajadi di sekitar resort golf itu ia telah menjadi gabungan kepada American Audubon International Programme, satu program antarabangsa untuk membantu pemilik memulihara dan meningkatkan kualiti alam sekitar tanah mereka.

Lapan belas lubang meliputi 6,579 meter persegi telahpun siap sepenuhnya dan sembilan lubang pertama dikenali sebagai "Raintree Nine," kerana ia merangkumi kawasan pokok hujan-hujan.

Sementara sembilan lubang lagi dinamakan "Lakes Nine" yang mula digunakan pada April tahun lepas dan setiap lubang di situ dikelilingi air, menambahkan lagi kecantikan semulajadi padang golf itu.

Ia juga mempunyai kawasan draif akuatik di mana pemain golf boleh memukul bola khas yang terapung ke dalam tasik dan bola-bola dikesan oleh bot di tasik itu.

Ia mempunyai 24 ruang latihan, tempat latihan persendirian, terbitan video dan klinik golf untuk semua.

Resort itu yang membuka keanggotaannya pada Mei 1995, dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun. Kemudahan lain yang terdapat di resort itu termasuk akademi tenis, danau tropika, kelab memancing dan bot, kelab kesihatan, padang permainan kanak-kanak serta kawasan rekreasi untuk berjoging dan berkelah. Pembinaan calet-calet persendirian akan dimulakan awal tahun depan. -- BERNAMA

RZS RON